

PENERAPAN STRATEGI LAUTAN BIRU (BOS) DALAM AMALAN
PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SEKOLAH RENDAH

ISMAIL BIN HJ. MOHAMED

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji Penerapan Strategi Lautan Biru dalam Amalan Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah Rendah.. Kajian kes ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan protokol temubual serta penelitian dokumen. Temu bual telah dijalankan ke atas lima orang guru besar sekolah rendah sekitar daerah Ledang. Tujuan kajian ini adalah bagi mengenalpasti sama ada konsep Strategi Lautan Biru (BOS) mampu diamalkan oleh guru besar dalam amalan pengurusan sekolah rendah, menentukan bidang-bidang dalam pengurusan sekolah yang sesuai untuk amalan BOS di sekolah dan mengenalpasti kekangan-kekangan yang dihadapi dalam amalan BOS. Hasil kajian mendapati bahawa rata-rata guru besar masih berada di tahap pemahaman yang kurang jelas mengenai BOS. Walau bagaimanapun, mereka yakin dari segi kemampuan mereka untuk menerapkan BOS dalam amalan pengurusan dan pentadbiran sekolah jika diberikan garis panduan dan pemahaman yang jelas mengenai BOS di sekolah. Guru besar juga berpendapat bahawa BOS mampu meningkatkan tadbir urus dalam bidang-bidang pengurusan sekolah.

ABSTRACT

This study was carried out to investigate the application of the Blue Ocean Strategy in the practice of Management and Administration of Elementary Schools. This case study was carried out qualitatively via interviews as well as analysis of documents. The interviews were conducted on five elementary school principals from the surrounding area of Ledang. The objective of this study was to identify whether the concept of the Blue Ocean Strategy (BOS) was able to be incorporated by the subjects into the practices of elementary school administration, to define the fields in school administration that are suitable for BOS at school and to identify the problems faced with BOS. Study results show that the subjects are all still at a low level of comprehension about BOS. However, they display confidence in their ability to incorporate BOS into the practices of managing and administrating their schools, but only if they are provided guidelines and a clear explanation about BOS. The subjects also stated that BOS would be able to improve governance in the fields of school administration.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Batasan Kajian	11

1.7	Definisi Istilah	12
1.8	Kesimpulan	15
2	SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	16
2.1	Latar Belakang Strategi Lautan Biru	17
2.2	Konsep Strategi Lautan Biru	18
2.3	Konsep Pengurusan dan Pentadbiran	28
2.4	Strategi Lautan Biru dalam pengurusan dan pentadbiran sektor pendidikan	32
2.5	Melaksanakan BOS dalam pengurusan dan pentadbiran Sekolah Rendah	36
2.6	Cabaran dan Kekangan ke Arah Perubahan Inovatif	42
2.7	Kesimpulan	43
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Subjek Kajian	48
3.4	Instrumen Kajian	50
3.5	Analisis Data	56
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.7	Kesahan dan Keboleh kepercayaan Instrumen	61
3.8	Kesimpulan	62

4	DAPATAN KAJIAN	
	4.1 Pengenalan	63
	4.2 Profil Subjek Kajian	64
	4.3 Proses Analisis Data	65
	4.4 Analisis Data Temu bual dan Dapatan	66
	4.5 Kesimpulan	80
5	RUMUSAN KAJIAN	
	5.1 Pengenalan	81
	5.2 Rumusan	82
	5.3 Perbincangan	86
	5.4 Implikasi dan Cadangan	92
	5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	95
	5.6 Kesimpulan	96
	BIBLIOGRAFI	97
	LAMPIRAN	105

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1	Aplikasi <i>The Four action frameworks</i> (dalam konteks organisasi)	40
2	Aplikasi <i>The Four action frameworks</i> (dalam konteks kepimpinan)	41
3	Profil Subjek Kajian	65
4	Dapatan Kajian Tema 1	71
5	Dapatan Kajian Tema 2	75
6	Kekangan-kekangan dalam pelaksanaan BOS	78

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1	Lautan Merah berbanding Lautan Biru	20
2	Nilai Inovasi	22
3	Strategi Kanvas	24
4	Proses Analisis Data Kualitatif	66

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Surat Pengesahan Status Pelajar	105
B	Pengakuan Temu Bual Subjek Kajian	106
C	Transkrip Temu Bual GB S1	108
D	Transkrip Temu Bual GB S2	112
E	Transkrip Temu Bual GB S3	115
F	Transkrip Temu Bual GB S4	117
G	Transkrip Temu Bual GB S5	119

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Blue Ocean Strategy (BOS) atau dalam Bahasa Malaysia disebut sebagai Strategi Lautan Biru merupakan salah satu strategi pengurusan perniagaan yang mulai popular pada awal tahun 2006. Ia merupakan strategi yang diperkenalkan oleh Chan & Renee Mauborgne yang merupakan dua orang profesor strategi dan pengurusan di *International Networks for Studies in Technology, Environment, Alternatives, Development* (INSTEAD), Perancis. Mereka berdua telah memperkenalkan strategi ini ke seluruh dunia melalui penulisan buku yang bertajuk *Blue Ocean Strategy* yang diterbitkan pada tahun 2005. Ia merupakan hasil kajian penulis terhadap 150 tindakan strategik oleh lebih 30 industri dalam tempoh 120 tahun (sekitar 1880 – 2000).

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak pernah menekankan mengenai strategi ini dalam bidang industri melalui ucapan beliau semasa perasmian Permodalan Nasional Berhad (PNB) International Lectures di Kuala Lumpur. Laporan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) yang bertarikh 22 April 2008 antara lain menyebut tentang saranan Dato' Seri Najib agar usahawan di Malaysia mengambil pendekatan Strategi Lautan Biru dalam mengejar kejayaan dan mencapai objektif perniagaan mereka (BERNAMA, 2008).

Walau bagaimanapun di peringkat sektor awam, ia hanya diberi penekanan apabila kerajaan menjadikannya sebagai strategi utama dalam menjana keberkesanan dalam Pengurusan Bidang Keberhasilan Utama (NKRA). Hasil daripada ucapan Dato' Seri Najib pada pelancaran laporan Tahunan GTP dan ETP yang bertarikh 4 April 2012, maka Strategi Lautan Biru kebangsaan atau "*National Blue Ocean Strategy*" mula diperkenalkan bagi menjayakan 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), (Sinar Harian, 2012). Dalam bidang pendidikan khususnya, strategi ini digunakan untuk mempertingkatkan lagi mutu pengurusan sekolah berdasarkan matlamat NKRA ketiga yang bermatlamat meningkatkan pencapaian pelajar. Ia adalah bermatlamatkan untuk melahirkan pelajar yang *Higher Order Thinking Skill* seterusnya memungkinan lahirnya modal insane yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi bagi memenuhi kriteria pekerja k-ekonomi bertaraf dunia (Munir Abd. Hamid, 2012).

Kini, strategi yang pada awalnya digunakan dalam bidang perniagaan kini diterapkan dalam bidang pendidikan yakni pengurusan sekolah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tentang penerapan Strategi Lautan Biru atau *Blue Ocean Strategy* ini dalam pengurusan pentadbiran sekolah rendah khususnya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sekolah yang berkesan dinilai dari segi pengurusan dan pentadbiran sekolah. Pengurusan dan pentadbiran yang terancang dan bermatlamat menjadikan sesebuah organisasi sekolah mampu bergerak sebagai sebuah agen perubahan dalam masyarakat. Menurut Fiedler dan Chemers (dalam Abd Syukur, 1988; Alimuddin, 2006) sekolah memerlukan pemimpin atau pengurus yang berkesan untuk mentadbir dan jika tidak, masalah akan wujud dalam organisasi tersebut. Bush dan Middlewood (2005) menyatakan bahawa teori dan amalan dalam pendidikan telah membuktikan bahawa peri pentingnya kepemimpinan kerana ia menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan sesebuah sekolah. Justeru, dengan memperkenalkan Strategi Lautan Biru sebagai salah satu strategi terbaru yang diharapkan dapat memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran sekolah ke arah lebih kreatif, inovatif dan efektif.

Strategi Lautan Biru mempunyai enam prinsip pelaksanaan yang perlu difahami. Kim & Mauborgne (2005) mengumpulkan enam prinsip tersebut dengan mengklasifikasikannya dalam bentuk prinsip formasi dan prinsip pelaksanaan. Bagaimanapun, bagi menjayakan strategi tersebut, pihak pengurusan perlu terlebih dahulu memahami konsep Strategi Laut Merah bagi memahami Strategi Lautan Biru dengan lebih baik. Menurut Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, empat elemen yang terdapat dalam Strategi Lautan Biru perlu diterapkan dalam pengurusan iaitu mengurang, menghapus, mewujudkan dan menambah peluang. Menurut beliau lagi, pemikiran Strategi Lautan Biru ini melibatkan pemikiran dengan mengaplikasikan cara-cara kreatif dan inovatif dalam setiap penyelesaian dalam pengurusan serta pentadbiran sektor awam termasuk bidang pendidikan.

Umum mengetahui bahawa sistem pendidikan negara ini melalui pelbagai fasa pembaharuan untuk mencapai hasrat dan wawasan negara. Tidak dinafikan pihak pengurusan di peringkat sekolah masing-masing masih wujud sifat ingin bersaing di antara kelompok mereka hanya melalui persaingan pencapaian peperiksaan tertentu. Ini bermaksud pihak pentadbir masih lagi terikat dengan strategi lautan merah.

“Strategi Lautan Biru mengingatkan, selagi organisasi atau sesiapa terus mahu bersaing di Lautan Merah dia mesti selalu ingat bahawa tiada sesiapa yang akan kekal cemerlang! Keluarlah daripada lautan merah dan belayar ke suatu lautan yang tidak perlu bersaing sebaliknya menjadikan pesaing tidak relevan” (Utusan Malaysia, 2007).

Rentetan daripada itu, guru perlu diberi pencerahan mengenai BOS ini dan tidak hanya memandang kosong dan sepi berkaitan strategi yang cuba diterapkan ini. Pengenalan terhadap strategi ini di sekolah perlu diketahui dalam kalangan guru itu sendiri. Berdasarkan tinjauan tidak rasmi penyelidik sendiri sebagai salah seorang guru, terma BOS itu sendiri tidak pernah didengari oleh guru sekolah. Ini bermakna amalan BOS masih lagi tidak dapat diterapkan secara menyeluruh di peringkat sekolah.

Lautan merujuk kepada pasaran ataupun industri. Lautan Biru adalah satu analogi yang menggambarkan potensi ruang pasaran yang begitu besar yang belum diterokai. Manakala Strategi Lautan Biru merupakan satu pendekatan yang sistematik untuk mencipta ruang pasaran yang tidak perlu bersaing sebaliknya menjadikan pesaing tidak relevan. Berbeza dengan lautan merah iaitu merujuk kepada satu pasaran yang di dalamnya penuh dengan persaingan dari individu atau industri yang menghasilkan perkhidmatan dan produk yang sama. (Hazalinda, 2009).

Penekanan dalam menjayakan Strategi Lautan Biru ialah individu dan industri mestilah berani, berinovasi dan berkreativiti akan mencipta permintaan baru walaupun tidak adanya jaminan beroleh kejayaan. Artikel "Belayar di Samudera Biru" yang ditulis Dato Seri Hj. Abd Rahman bin Abd. Hamid, Ketua Pengarah Kastam pada 18 November 2007 (dalam Hazalinda, 2009) menyatakan;

"Pemikiran yang jumud, ragu-ragu, tidak yakin serta kemiskinan usaha dan idea tidak membolehkan kita belayar di peringkat global...". "Sebaliknya kita sepatutnya telah memiliki kemerdekaan diri pada perasaan negatif yang mengikat dan membelenggu kita daripada melangkah ke hadapan tanpa adanya perasaan buruk sangka terhadap sesuatu yang belum dicuba. Perasaan negatif yang wujud pada fikiran dan jiwa yang jumud adalah merupakan penjajahan diri yang boleh menyekat potensi diri yang boleh dicapai seseorang".

Shahril @Charil Marzuki (2000) pula menyatakan kepimpinan dan pengurusan penting untuk menjadikan sesebuah sekolah itu berkesan. Dalam mengurus sesebuah sekolah, adalah penting bagi pengetua atau guru besar untuk menentukan visi, matlamat dan hala tuju organisasinya, dan memastikan setiap warga sekolah berkongsi, memahami visi tersebut dengan jelas dan berusaha untuk memastikan setiap tindakan adalah relevan ke arah pencapaian visi tersebut. Pemimpin yang berjaya dan berkesan bertanggungjawab terhadap prestasi diri, semua warga sekolah dan organisasi sekolah tersebut. Hubungan dan kolaborasi antara pengetua atau guru besar dengan warga sekolah dan komuniti samaada dalaman atau luaran mestilah baik dan teguh. Tanpa hubungan yang baik sudah tentu visi sekolah tidak akan dapat dicapai. Pemimpin sekolah juga mesti memiliki ilmu pengetahuan dan kepakaran untuk mengurus organisasi dan menstruktur organisasi mengikut keperluan dan arus perubahan, agar matlamat organisasi tercapai. Ramai pengkaji mengakui stail kepimpinan dan pandangan tentang ciri-ciri pemimpin sekolah adalah berbeza-beza.

Pengurusan yang efektif telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada prestasi pembelajaran dan pembangunan keperibadian pelajar-pelajar (Mohamed Sani et al, 2005). Menurut Mortimore (1995), terdapat sebelas faktor amalan organisasi sekolah cemerlang iaitu kepimpinan pengetua professional, perkongsian misi dan matlamat, kewujudan bidang pembelajaran, tumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P), pengajaran bermatlamat, pengharapan yang tinggi, pengukuhan positif, pemantauan terhadap perkembangan pelajar, mengetahui hak dan tanggungjawab murid, pemuafakatan antara rumah dan sekolah serta organisasi pembelajaran yang sistematik. (dalam Nor Foniza, 2012).

BOS menekankan tentang inovasi dan kreativiti dalam setiap penyelesaian tanpa wujudnya persaingan melalui empat langkah utama iaitu “mengurang”, “menghapus”, “mewujud” dan “menambah peluang”. Oleh itu, menurut Tan Sri Muhyiddin Yasin (2012), perlu untuk sekolah melaksanakan inovasi dalam pendidikan seperti dalam aspek pengurusan organisasi, instruksional, kurikulum dan sumber manusia.

Permasalahannya sekarang, pihak pentadbir sekolah masih lagi berada di takuk lama dan takut untuk melakukan perubahan. Menurut Sharifah (2000), banyak kajian menunjukkan bahawa perubahan gagal mencapai kejayaan kerana individu yang terlibat dalam perubahan itu masih terbelenggu dalam sistem kepercayaan dan andaian lama. Oleh itu, ia mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak. Ini kerana pihak pengurusan bimbang jika perubahan tidak berjaya akan menjejaskan prestasi sekolah. Sifat berada di zon selesa dan ingin mendapat *ranking* tertentu menjadikan pihak ini hanya mengurus apa yang telah dilaksanakan mereka seperti sebelum ini. Keperluan berfikir berdasarkan BOS iaitu secara lebih luas umpama

lautan biru terbentang luas yang masih banyak perlu diteroka dan inilah yang diperlukan dalam pemikiran seorang pengurus sesebuah organisasi cemerlang.

Bagaimana untuk mencapai sebuah pengurusan organisasi yang cemerlang, jika pengurusan dan kepimpinan di sekolah hari ini berhadapan dengan cabaran meningkatkan kualiti staf sedangkan pengetua lebih banyak menghabiskan masa melakukan tugas pentadbiran dan mengurus sekolah serta menghadiri mesyuarat di luar. Sebilangan mereka telah dinaikkan pangkat walaupun belum mahir dengan tugas mentadbir sekolah (Jamaliah dan Norashimah, 2005). Oleh itu, tidak hairanlah jika dalam proses mentadbir, pentadbir menghadapi pelbagai masalah mentadbir termasuklah mengurus dengan tidak cekap, kekurangan ilmu sains pengurusan, kerendahan akhlak dan moral, kelemahan dan ketandusan pemimpin yang berkesan (Ahmad Zabidi, 2005).

Selain daripada itu, kepimpinan hari ini juga banyak terikat dengan pengurusan tradisional dimana untuk tingkatkan hasil, kualiti dan kuantiti, maka penambahan pekerja atau penambahan peruntukan diperlukan. Oleh sebab itu, dalam BOS 'Inovasi Nilai' memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan strategi yang dijalankan. Setiap kakitangan berperanan untuk keluar dari kotak pemikiran sedia ada. Di sini, pihak pengurusan sekolah boleh menambahkan kualiti dan kuantiti produktiviti tanpa memberi kesan kepada peningkatan kos dan sumber manusia.

Oleh itu, satu panduan khusus berbentuk *blue print* ataupun terbitan seperti manual rujukan atau buletin khas mengenai bagaimana BOS dapat diaplikasikan di sekolah perlu diwujudkan daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Jika dilihat, pihak Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Penerangan telah menerbitkan satu manual pelan khas bagaimana untuk melaksanakan BOS dalam pengurusan jabatan mereka. Begitu juga dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mengeluarkan NBOS5 sebagai panduan dalam proses menjalankan strategi ini di pihak mereka. Ini menjadikan pemahaman mengenai pelaksanaan BOS di sekolah tidak terpandu dengan satu panduan khusus dan hanya bergantung kepada kepandaian dan pemahaman pengurusan sekolah.

1.3 Pernyataan Masalah

Strategi Lautan Biru (BOS) merupakan strategi yang baru diperkenalkan bagi meningkatkan mutu pengurusan penjawat awam termasuklah bidang pendidikan. Strategi BOS yang asalnya menjadi strategi dalam bidang perniagaan kini ingin diterapkan dalam bidang pendidikan. Robert Kirwan (t.t) yang merupakan jurulatih di agensi pendidikan, latihan dan pembangunan kerjaya di United Kingdom berpendapat walaupun BOS menawarkan satu pendekatan untuk pasaran perniagaan, namun terdapat kaitan yang besar untuk mempertimbangkan bagaimana prinsip teras mungkin terpakai kepada sektor pendidikan. Walau bagaimanapun, strategi baru ini kadangkala menjadikan pihak pengurusan sekolah susah untuk memahami dan menerimanya. Ini kerana berdasarkan tinjauan umum secara tidak rasmi, penyelidik mendapati bengkel yang diadakan kepada pihak pengurusan sekolah untuk memahami BOS hanyalah secara mendatar sahaja. Kalaupun ada pendedahan kepada pengurus-pengurus pendidikan, ianya hanya bersifat taklimat umum dan rata-rata pentadbir masih kurang jelas berkaitan strategi ini.

Kajian khusus yang membincangkan tentang pelaksanaan BOS ini di sekolah juga terhad. Terlalu sukar bagi pihak sekolah untuk mendapatkan rujukan tertentu di Malaysia khususnya tentang amalan BOS ini. Oleh itu, kadang kala pihak pengurusan sekolah hanya tertakluk kepada pelan strategik sekolah yang lama sahaja tanpa diterapkan strategi ini bagi meningkatkan amalan pengurusan sekolah. Apabila masalah rujukan terhad terutama untuk mengaitkan BOS dengan bidang pendidikan, seharusnya berlaku transaksi yang selari antara pihak atasan iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) hingga sampai kepada matlamat pelaksanaannya dan seterusnya ke peringkat sekolah dengan keadaan sewajarnya dan mengikut kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Oleh itu, kajian seperti ini perlu dijalankan untuk mengkaji kesesuaian amalan BOS ini untuk dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yang berikut;

- 1) Menenalpasti sama ada konsep Strategi Lautan Biru (BOS) mampu diamalkan oleh guru besar dalam amalan pengurusan sekolah rendah.

- 2) Menentukan bidang-bidang dalam pengurusan sekolah yang sesuai untuk amalan BOS di sekolah.
- 3) Mengenalpasti kekangan-kekangan yang dihadapi dalam amalan BOS.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian dan juga pernyataan masalah yang telah disenaraikan, wujud beberapa persoalan kajian yang perlu diteliti iaitu :

- 1) Adakah konsep Strategi Lautan Biru (BOS) mampu di amalkan oleh guru besar dalam amalan pengurusan sekolah rendah?
- 2) Apakah bidang-bidang dalam pengurusan sekolah yang sesuai untuk amalan BOS di sekolah?
- 3) Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi dalam amalan BOS?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan tertentu. Antaranya adalah :

1) Kajian ini dibuat dengan menganalisis penerapan Strategi Lautan Biru (BOS) dalam pengurusan sekolah rendah sahaja. Ini kerana penyelidik ingin melihat kesesuaian amalan BOS ini di peringkat pengurusan sekolah rendah kerana ia merupakan bidang kerja penyelidik. Oleh itu, ini memudahkan penyelidik untuk memahami bagaimana pengurusan di peringkat sekolah rendah dapat melaksanakan BOS.

2) Kajian ini hanya melibatkan pentadbir sekolah rendah iaitu guru besar. Kakitangan sekolah yang lain tidak termasuk dalam kajian ini. Ini kerana guru besar adalah pihak pengurusan tertinggi dalam organisasi sekolah rendah. Oleh itu, individu yang berhak memahami dan menerapkan amalan BOS ini di sekolah adalah guru besar. Jika amalan pengurusan sekolah masih lagi di tahap lama maka tanggungjawab khusus adalah guru besar itu sendiri sebagai ketua organisasi sekolah.

1.7 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang perlu didefinisikan di dalam kajian ini sebagai mengelakkan berlakunya percanggahan pembaca dengan apa yang ingin disampaikan oleh penyelidik. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut :

1.7.1 Penerapan

Perkataan penerapan menurut Kamus Menejemen (1999) mendefinisikan penerapan sebagai pemanfaatan ketrampilan dan pengetahuan baru dalam bidang pengurusan. Dapat dijelaskan di sini ia adalah tindakan pelaksanaan atau pemanfaatan pengetahuan dalam bidang tertentu untuk tujuan khusus..

1.7.2 Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy)

“Strategi Lautan Biru mengingatkan, selagi organisasi atau sesiapa terus mahu bersaing di Lautan Merah dia mesti selalu ingat bahawa tiada sesiapa yang akan kekal cemerlang! Keluarlah daripada lautan merah dan belayar ke suatu lautan yang tidak perlu bersaing sebaliknya menjadikan pesaing tidak relevan” (Utusan Malaysia, 2007).

Lautan merujuk kepada pasaran ataupun industri. ‘Lautan biru’ adalah satu analogi yang menggambarkan potensi ruang pasaran yang begitu besar yang belum diterokai. Manakala Strategi Lautan Biru merupakan satu pendekatan yang sistematik untuk mencipta ruang pasaran yang tidak perlu bersaing sebaliknya menjadikan pesaing itu tidak relevan. Berbeza dengan lautan merah iaitu merujuk kepada satu pasaran yang di dalamnya penuh dengan persaingan dari individu atau industri yang menghasilkan perkhidmatan dan produk yang sama (Berita Harian, 2007).

1.7.3 Pengurusan

Menurut Drucker (dalam Jamaluddin, 2005) pengurusan adalah satu yang lebih kepada amalan bukannya sains atau kerjaya. Ini membawa maksud bahawa pengurusan itu adalah seni yang diamalkan oleh individu atau kumpulan yang sumbernya digembleng ke arah satu matlamat yang telah ditetapkan.

Menurut (Abdullah Sani, 2005) pula, pengurusan adalah satu proses sosial yang dibentuk, disusun bagi mewujudkan kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli dalam sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat.

1.7.4 Pentadbiran

Pentadbiran ialah satu proses mengenal pasti, menyelenggara, mengawal dan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada berupa tenaga manusia mahupun bahan dalam satu sistem yang bersepadu yang dibentuk bagi mencapai objektif yang ditetapkan (Abdullah Sani, 2005).

1.7.5 Guru Besar

Guru Besar adalah mereka yang dilantik dan bertanggungjawab dalam pengurusan sekolah di bawah peruntukan Peraturan Sekolah Umum 1951. Dalam organisasi di sekolah rendah, guru besar ialah ketua eksekutif dan pada masa yang sama beliau ialah pemimpin utama sekolah yang berkenaan. Seseorang yang menjawat jawatan ini dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengetuai sesebuah sekolah rendah dan dipertanggungjawabkan untuk mengurus, mentadbir dan memimpin sekolah (Mohd Nor Bin Jaafar, 2004).

1.8 Kesimpulan

Dalam bab ini penyelidik telah menjelaskan sedikit mengenai perjalanan keseluruhan kajian ini. Berdasarkan berbagai penjelasan di atas, dapat kita fahami sedikit sebanyak latar belakang dan pernyataan masalah yang menyebabkan perlunya kajian seperti ini dilaksanakan. Selain daripada itu, batasan kajian serta definisi istilah-istilah tertentu berdasarkan sumber-sumber seperti kamus dan ensiklopedia turut dimuatkan dalam bab ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus Hal Ehwal Murid*. Cetakan Pertama. Pahang. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Halim bin Mat Diah (1987). *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Adler, P., Goldoftas, B., & Levine, D. (1999). *Flexibility versus efficiency? A case study of model changeovers in the Toyota production system*. *Organization Science*, 10, 43–68.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak, (2005) *Pembangunan Organisasi Pendidikan yang Cemerlang Berasaskan Ciri-ciri Kepimpinan Islam [Development of excellent educational organization based on Islamic leadership characteristics]*. *Masalah Pendidikan*, 28 .pp. 105-116. ISSN 0126-5024.
http://myais.fsktm.um.edu.my/view/people/Ahmad_Zabidi_Abdul_Razak,__.html.
- Baer, M., & Frese, M. (2003). *Innovation is not enough: climates for initiative and psychological safety, process innovations, and firm performance*. *Journal of Organizational Behavior*, 24, 45–68.
- Baxter, P. and Jack, S. (2008). *Qualitative case study methodology: study design and implementation*. London: Sage Publication.
- Bennis Warren (1985). *The Planning of Change*. New York: Harper and Row.

Bogdan, Robert, C. & Bilken (2003). *Qualitative Research for Education. An Introduction to Theories and Methods*. Edisi ke-4.US: Pearson Education Group Inc.

Changsu Kim, Yun Hoon Yang & Jaekyung Kim (2008). *A Strategy for third Party Logistic System : A Case Analysis Using Blue Ocean Strategy*. Omega Journal 36:8. University of Nebraska, Lincoln.

Charmaz (2006). *Constructing Grounded Theory: A Practical Guide through Qualitative Analysis* .Sage Publication. London

Cheung, D. (2001). *School-based assessment in public examinations: Identifying the concerns of teachers*. *Education Journal*, Vol 29 (2). Winter Press.

Cresswell, J.W(2005) *Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-2. Malaysia: Pearson Education Pte. Ltd.

DeMarrais, K.(2004) . *Elegant communications: Sharing qualitative research with communities, colleagues, and critics*. *Qualitative Inquiry*. 10 (2):281-297.

Eisenhardt, K.M (1989) *Building Theories From case study research*. *Academy of management Review* . 14:532-550.

Finkelstein, S., & Hambrick, D. C. (1996). *Strategic leadership: top executives and their effects*. Minneapolis: West Publishing.

Hazalinda Harun (2009). *Strategi Lautan Biru : Anjakan Baru Dalam Koperasi* .Buletin Koperasi Koop.

Jamaliah Abdul Hamid dan Norashimah Ismail. (2005). *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.Serdang

Jamaluddin Che Sab (2005). *Bagaimana Memulakan Perniagaan*. Pahang. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Jamilah Hassan Basri, Mohd Pisol Ghadzali & Mohd khwan Ismail (2011). *Blue Ocean Strategy : The Application in Universiti Sains Malaysia Library* . Kertas Kerja Pembentangan. Prosiding Seminar Kebangsaan Perpustakaan Akademik 2011.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan, 2013-2025*

<http://www.moe.gov.my>

Kim, W.C. & Mauborgne, R. (2005). *Blue Ocean Strategy*. Boston: Harvard Business School Press.

Khalid Nordin (2013). *Srategi baru Kebolehpasaran Graduan*.

<http://www.mohe.gov.my>

Marguerite G. Lodico, Dean T. Spaulding & Katherine H. Voegtle (2010). *Methods in Educational Research: From Theory to Practice*. Second Edition. San Francisco, USA : A Wiley Imprint Publisher.

Marshall,C.& Rossman, G.B (1999), *Designing Qualitative research*.Thousand Oaks Carlifornia: Sage Publication.

McMillan, J&Schumacher, S (2006). *Research in education:evidence –based inquiry*. Boston: Pearson Education Inc.

McMillan,JH (2000). *Educational Research : fundamentakl for consumer*. Edisi ke-3. USA: Longman.

Merriam, S.B (2009), *Qualitative research : a Guide to design and implementation. Revise and expanded from Qualitative research and case study applicationin education*. San Francisco : Jossey-Bass

Middlewood David (2005). *Leading and managing people in Education*. London. Sage Publication.

Miles, M.B & Huberman,A.M (1994). *Qualitative data analysis: an expanded sourcebook*. Edisi ke-2. Thousand Oaks, CA:Sage.

Miller, D., & Friesen, P. H. (1984). *Organizations: a quantum view*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Mohammed Sani, Ibrahim Samsuddeen Abdul Aziz dan Norzaini Azman (2005). *Amalan Pengurusan Berasaskan sekolah di Sekolah Swasta di Malaysia : Satu Tinjauan*. Jurnal Pengurusan UKM. Bangi. Penerbit UKM.

Mohd Izham Mohd Hamzah & Suffean Hussin (2005). *Perubahan Terancang dalam Pendidikan : Proses dan Mekanisme Pelaksanaan. Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Jilid 15. Bil 01 Jun 2005. Kuala Lumpur. Institut Aminuddin Baki.

Mohd Izham Mohd Hamzah & Suffean Hussin(2009). *Pengurusan Perubahan Terancang dan Pembastarian Sekolah Proses Pelaksanaan Polisi* : Kuala Lumpur:UM.

Mohd Izham Mohd Hamzah (2006). *Pengurusan Perubahan Terancang di beberapa buah sekolah bestari di Malaysia*. Tesis Dr. Fal. UM

Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Nor bin Mohamad Taib, Zairi b, Zainal Abidin, Parimala A/P Thanabalasingam & Tan Hock Seng (2010). *Blue Ocean dalam Kepimpinan Sekolah*. Pembentangan Kertas Kerja di Pusat Konsultasi dan Mentoring. Institut Aminuddin Baki.

Mohd Nor Bin Jaafar, Haji (2004). *Kepemimpinan Pengajaran Guru Besar, Komitmen Dan Kepuasan Kerja Guru: Satu Kajian Perbandingan Dan Hubungan Antara Sekolah Berkesan Dengan Sekolah Kurang Berkesan*. Tesis Phd. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia (USM).

- Muhyiddin Yassin (2012). *Sudut Pandang Muhyiddin Yassin : Isu, Kontroversi, Pandangan serta Harapan*. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Munir Abd. Hamid (2012). *Gagasan Melahirkan Modal Insan Negara Maju*. Dewan Ekonomi. Rencana Utama. Bil. November 2012. Selangor. Dawama Sdn. Bhd.
- Nadler, D. A., Shaw, R. B., Walton, A. E., & Associates (1995). *Discontinuous change: leading organizational transformation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Nordin Tahir (2010). *Pengurusan Inovasi dan Perubahan Pendidikan*. Pembentang Power Point. Institut Pendidikan Guru Ipoh.
- Nor Foniza bt Maidin (2012). *Amalan Organisasi Pembelajaran di Sekolah Cemerlang : Satu Kajian Kes*. Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Nur Syuhadah binti Rusnan (2001). *Ashabul Kahfi : Pengajarannya Di Dalam Membentuk Peribadi Muslim.*: Latihan Ilmiah Diploma Pengajian Islam al-Quran dan as-Sunnah, , Bangi, Selangor Sekolah Pengajian Islam Islam Kolej Darul Ehsan Darul Ehsan.
- Patton, m.q (2002). *Qualitative research and evaluation method*. Edisi ke-3. Thousand Oaks CA:Sage.

Robert Kirwan (t.t). Finding the Blue Ocean in the Education Sector.

www.thelearningclinic.ca

Shahril @Charil Marzuki (2000). *Kepimpinan Pengetua dan Guru Besar Berkesan yang dapat Menghadapi Cabaran dan Harapan Pada Abad Ke-21*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-9. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia. 1-3 Ogos.

Sidek Mohd Noah (2005). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Cet. Ke 3. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Sonia Blanford (2009). *Panduan Pengurus Peringkat Pertengahan di Sekolah*. Terjemahan Institut Terjemahan Negara. Cetakan Keenam. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Tushman, M. L., O, & Reilly, C. O., III (1996). *Ambidextrous organizations: managing evolutionary and revolutionary change*. California Management Review, 38(4),8–30.

Tushman, M. L., & Romanelli, E. (1985). *Organizational evolution: a metamorphosis model of convergence and reorientation*. In L. L. Cummings & B.M. Staw (Eds.), *Research in Organizational Behavior*, vol. 7. (pp. 171–222)Greenwich, CT: JAI Press

Wiersma,W (2000). *Research method in education an introduction*. Needham heights:Allyn&Bacon

Yin (2009). *Case Study Research: Design and Methods*. 4th edition, Applied social research method series. Vol. 5. California, USA . SAGE publication inc..

Zaharah Mohd Salleh. (2004). *Mengurus Sumber Di Sekolah*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Zainal Abidin Mohamed (t.t). *Analysis of the Blue Ocean Strategy ; Case Study Analysis on 14 Different Agencies*. Integration and Dissemination Journal. Selangor. Universiti Putra Malaysia.

Akhbar Sinar Harian, 4/4/2012

Utusan Malaysia, 28 April 2007